



Jabatan Pendaftar

REGISTRAR'S OFFICE

Universiti Utara Malaysia

SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 3/2020

**- PENGUATKUASAAN SYARAT ASAS PERMOHONAN BAHARU
KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**



**JABATAN PENDAFTAR
REGISTRAR'S DEPARTMENT**
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM SINTOK
KEDAH DARUL AMAN
MALAYSIA



Tel: 604-928 3101/3199
Faks (Fax): 604-928 3104
Laman Web (Web): www.pendaftar.uum.edu.my

Rujukan: UUM/PEN/P-7/6

Tarikh: 06 Februari 2020

Semua Staf Akademik
Universiti Utara Malaysia

Yang Berbahagia Dato' /Yang Berusaha Prof./Tuan/Puan

**SURAT PEKELILING PENDAFTAR BILANGAN 3 TAHUN 2020
- PENGUATKUASAAN SYARAT ASAS PERMOHONAN BAHARU KENAIKAN
PANGKAT STAF AKADEMIK UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Utara Malaysia Ke-122 Bil. 6/2019, pada 05 Disember 2019 telah bersetuju supaya Syarat Asas Permohonan Kenaikan Pangkat Staf Akademik seperti Lampiran A dikuatkuasakan mulai 01 Julai 2020.

3. Sehubungan dengan itu, syarat baharu ini akan terpakai kepada semua permohonan yang diterima oleh pihak Kolej mulai 01 Julai 2020.

Sekian, terima kasih dan salam hormat.

**"KEDAH AMAN MAKMUR – HARAPAN BERSAMA MAKMURKAN KEDAH"
"ILMU BUDI BAKTI"**

Saya yang menjalankan amanah

(BAHARUDIN YAACOB)
Pendaftar
Universiti Utara Malaysia

s.k - Naib Canselor
- Semua Ahli Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU)

SYARAT ASAS UNTUK MEMOHON KENAIKAN PANGKAT KE JAWATAN AKADEMIK (DS52, DS54, VK7, VK6 & VK5) (LULUS LPU 5 DISEMBER 2019)					
	PENSYARAH KANAN (DS52) *tanpa PhD	PROFESOR MADYA (DS54)	PROFESOR (VK7)	PROFESOR (VK6)	PROFESOR (VK5)
Markah	Mencapai markah minimum 100/100	Mencapai markah minimum 85/100	Mencapai markah minimum 90/100	Mencapai markah minimum 90/100 Markah boleh dikumpul daripada mana-mana komponen tanpa had maksimum	Mencapai markah minimum 90/100 Markah boleh dikumpul daripada mana-mana komponen tanpa had maksimum
Pemantapan Pengajaran	Menghadiri sekurang- kurangnya SATU (1) kali latihan P&P setahun dalam tempoh tiga tahun terakhir	Menghadiri sekurang- kurangnya SATU (1) kali latihan P&P setahun dalam tempoh tiga tahun terakhir	Menghadiri sekurang- kurangnya SATU (1) kali latihan P&P setahun dalam tempoh tiga tahun terakhir	Menghadiri sekurang- kurangnya SATU (1) kali latihan P&P setahun dalam tempoh tiga tahun terakhir	Menghadiri sekurang- kurangnya SATU (1) kali latihan P&P setahun dalam tempoh tiga tahun terakhir

Penyelidikan/		Penyelidikan hingga tamat TIGA (3) orang graduan PhD/D.Mgmt sebagai Penyelia Bersama ATAU Sekurang-kurangnya 7.5 markah dikumpul dari penyeliaan peringkat pascasiswazah	Penyeliaan hingga tamat sejak DS54 TIGA (3) orang graduan PhD/D.Mgmt sebagai Penyelia Utama DAN DUA (2) orang graduan PhD/D.Mgmt sebagai Penyelia Bersama ATAU Sekurang-kurangnya LIMA BELAS (15) markah daripada komponen penyeliaan peringkat kedoktoran sebagai penyelia utama DAN Sekurang-kurangnya LIMA (5) markah daripada komponen penyeliaan peringkat kedoktoran sebagai Penyelia Bersama	Penyeliaan hingga tamat sejak VK7 TUJUH (7) orang calon PhD/D.Mgmt sebagai Penyelia Utama. ATAU Sekurang-kurangnya 35 markah daripada komponen penyeliaan peringkat kedoktoran sebagai penyelia utama	Penyeliaan hingga tamat sejak VK6 SEPULUH (10) orang calon PhD/D.Mgmt sebagai Penyelia Utama ATAU Sekurang-kurangnya 50 markah daripada komponen penyeliaan peringkat kedoktoran sebagai penyelia utama
				TIGA (3) orang graduan peringkat kedoktoran sebagai Penyelia Bersama	EMPAT (4) orang graduan peringkat kedoktoran sebagai Penyelia Bersama

Perundingan / Pengkomersilan (R&D)	Markah minimum 2/15	Telah mengetuai dengan jayanya penyelidikan bergeran dengan nilai terkumpul sekurang-kurangnya RM20,000 yang mana nilai minimum bagi setiap satu geran adalah RM5,000 ----- ATAU ----- Mengetuai penyelidikan bergeran dengan nilai terkumpul sebanyak RM10,000 DAN mengetuai projek penajaan pendapatan kepada Universiti dengan nilai terkumpul sebanyak RM40,000 yang mana minimum bagi setiap projek adalah RM10,000 melalui aktiviti inovasi, komersial dan perundingan. (disahkan oleh RIMC/ICC)	Telah mengetuai dengan jayanya penyelidikan bergeran selain dari geran Universiti dengan nilai terkumpul sekurang-kurangnya RM40,000 yang mana nilai minimum bagi setiap satu geran adalah RM20,000 (Geran swasta amaun minimum RM10,000) (Geran luar negara tidak tertakluk kepada nilai minimum) ----- ATAU ----- Mengetuai penyelidikan bergeran dengan nilai terkumpul sebanyak RM20,000 DAN mengetuai projek penajaan pendapatan kepada Universiti dengan nilai terkumpul sebanyak RM80,000 yang mana minimum bagi setiap projek adalah RM40,000 melalui aktiviti inovasi, komersial dan perundingan.	Telah mengetuai dengan jayanya penyelidikan bergeran selain dari geran Universiti dengan nilai terkumpul sekurang-kurangnya RM70,000 yang mana nilai minimum bagi setiap satu geran adalah RM20,000 (Geran luar negara tidak tertakluk kepada nilai minimum) ----- ATAU ----- Mengetuai penyelidikan bergeran dengan nilai terkumpul sebanyak RM40,000 DAN mengetuai projek penajaan pendapatan kepada Universiti dengan nilai terkumpul sebanyak RM120,000 yang mana minimum bagi setiap projek adalah RM40,000 melalui aktiviti inovasi, komersial dan perundingan.	Telah mengetuai dengan jayanya penyelidikan bergeran selain dari geran Universiti dengan nilai terkumpul sekurang-kurangnya RM300,000 yang mana nilai minimum bagi setiap satu geran adalah RM20,000 (Geran luar negara tidak tertakluk kepada nilai minimum) ----- ATAU ----- Mengetuai penyelidikan bergeran dengan nilai terkumpul sebanyak RM100,000 DAN mengetuai projek penajaan pendapatan kepada Universiti dengan nilai terkumpul sebanyak RM200,000 yang mana minimum bagi setiap projek adalah RM40,000 melalui aktiviti inovasi, komersial dan perundingan. (disahkan oleh RIMC/
--	---------------------------------------	---	--	--	--

			(disahkan oleh RIMC/ ICC)	(disahkan oleh RIMC/ ICC)	ICC)
Penerbitan	Markah minimum jurnal adalah 15/30	Mempunyai penerbitan jurnal Scopus / Web of Science sekurang- kurangnya DUA (2) Q3 dan DUA (2) Q4 (rujuk nota untuk pensetaraan)	Mempunyai penerbitan jurnal Scopus / Web of Science sekurang- kurangnya ENAM (6) Q3 (rujuk nota untuk pensetaraan)	Mempunyai jumlah penerbitan jurnal Scopus / Web of Science sebanyak LIMA BELAS (15) dengan sekurang-kurangnya DUA (2) Q2 dan DUA (2) Q3 (rujuk nota untuk pensetaraan)	Mempunyai jumlah penerbitan jurnal Scopus / Web of Science sebanyak DUA PULUH (20) dengan sekurang- kurangnya DUA (2) Q2 dan DUA (2) Q3 (rujuk nota untuk pensetaraan)
		Mempunyai sekurang- kurangnya DUA (2) penerbitan Scopus / Web of Science dalam bidang kepakaran	Mempunyai sekurang- kurangnya EMPAT (4) penerbitan Scopus / Web of Science dalam bidang kepakaran	Mempunyai sekurang- kurangnya ENAM (6) penerbitan Scopus / Web of Science dalam bidang kepakaran	Mempunyai sekurang- kurangnya LAPAN (8) penerbitan Scopus / Web of Science dalam bidang kepakaran
		Sekurang-kurangnya DUA (2) sebagai Pengarang utama dalam Scopus / Web of Science	Sekurang-kurangnya EMPAT (4) sebagai Pengarang utama dalam Scopus / Web of Science		
		[S&T]	[S&T]	[S&T]	[S&T]

		Sekurang-kurangnya h-index Scopus bersamaan 3 atau Bilangan sitasi Scopus 30 [non-S&T] Sekurang-kurangnya h-index Scopus bersamaan 2 atau Bilangan sitasi Scopus 20	Sekurang-kurangnya h-index Scopus bersamaan 4 atau Bilangan sitasi Scopus 50 [non-S&T] Sekurang-kurangnya h-index Scopus bersamaan 3 atau Bilangan sitasi Scopus 30	Sekurang-kurangnya h-index Scopus bersamaan 6 atau Bilangan sitasi Scopus 100 [non-S&T] Sekurang-kurangnya h-index Scopus bersamaan 5 atau Bilangan sitasi Scopus 70	Sekurang-kurangnya h-index Scopus bersamaan 9 atau Bilangan sitasi Scopus 160 [non-S&T] Sekurang-kurangnya h-index Scopus bersamaan 8 atau Bilangan sitasi Scopus 130
Sumbangan Kepada Universiti	-	Telah memegang jawatan peringkat Universiti (termasuk chief editor dan managing editor) atau sebagai Pengerusi Jawatankuasa / Penyelaras Kursus / Ketua Unit di peringkat Pusat Pengajian @ Presiden / Exco PERSATU *sekurang-kurangnya DUA (2) tahun	Telah memegang jawatan peringkat Universiti (termasuk chief editor dan managing editor) atau sebagai Pengerusi / Penyelaras Kursus / Ketua Unit di peringkat Pusat Pengajian @ Presiden / Exco PERSATU *sekurang-kurangnya DUA (2) tahun	Telah memegang jawatan peringkat Universiti (termasuk chief editor dan managing editor) atau sebagai Pengerusi / Penyelaras Kursus / Ketua Unit di peringkat Pusat Pengajian @ Presiden / Exco PERSATU *sekurang-kurangnya DUA (2) tahun	Telah memegang jawatan atau menganggotai jawatankuasa peringkat Universiti atau Pengerusi Jawatankuasa peringkat Pusat Pengajian.

Sumbangan Kepada Komuniti dan Negara		Sekurang kurang 1 lantikan sebagai AJK peringkat negeri & kebangsaan/ ATAU mempunyai 1 projek peringkat komuniti/negeri	Sekurang kurang 2 lantikan sebagai AJK peringkat negeri & kebangsaan ATAU mempunyai 2 projek peringkat komuniti/negeri	Sekurang kurang 3 lantikan sebagai AJK peringkat negeri & kebangsaan DAN mempunyai 1 projek peringkat komuniti/negeri	Sekurang kurang 3 lantikan sebagai Pengerusi peringkat negeri & kebangsaan DAN mempunyai 3 projek peringkat komuniti/negeri
Syarah Pengukuhan Profesor	-	-	-	Telah bentang	Telah bentang
Tempoh berada pada gred semasa	TIGA (3) tahun selepas lantikan dalam jawatan di gred DS45	TIGA (3) tahun selepas lantikan di gred DS51 / DS52	EMPAT (4) tahun selepas lantikan di gred DS53 / DS54	Empat(4) tahun selepas lantikan atau dinaikkan pangkat ke gred VK7	Empat(4) tahun selepas selepas dinaikkan pangkat ke gred VK6

Nota:

❖ Pensetaraan berikut terpakai untuk kriteria penerbitan

- SATU (1) Q1 bersamaan dengan DUA (2) Q2, atau EMPAT (4) Q3
- SATU (1) Q2 bersamaan dengan DUA (2) Q3
- Satu buku karya asli bersamaan dengan DUA (2) Q3 terhad kepada 1 buah buku karya asli sahaja
- Satu kertas polisi bersamaan dengan DUA (2) Q3

❖ h-indeks akan ditingkatkan 1 mata untuk setiap kategori setahun selepas penguatkuasaan syarat baru ni

- ❖ Untuk permohonan ke Gred DS52, Calon yang berumur sekurang-kurangnya 45 tahun dan telah mempunyai 10 tahun perkhidmatan perlu memenuhi markah sekurang-kurangnya 60/100 markah dari gabungan komponen Pengajaran dan komponen Penyelidikan /Penerbitan/Seminar.
- ❖ Untuk permohonan ke Gred DS52, Calon yang berumur sekurang-kurangnya 50 tahun dan telah mempunyai 15 tahun perkhidmatan dikecualikan dari syarat asas permohonan dan markah layak adalah 50/100
- ❖ Untuk penjawat yang telah memegang jawatan utama universiti (timbangan ketua PTJ /Pengetua dan ke atas) sekurang-kurangnya 3 tahun boleh dikecualikan mana-mana satu daripada komponen penyelidikan dan penerbitan.
- ❖ Perkiraan kecemerlangan akademik adalah selepas kenaikan pangkat pada gred semasa.
- ❖ Kenaikan pangkat ke VK 6 juga boleh berlaku secara jemputan oleh Naib Canselor
- ❖ Lembaga Pengarah Universiti boleh memberi pertimbangan khas bagi kenaikan pangkat staf yang tidak memenuhi syarat wajib tetapi berpotensi dan/atau telah memberi sumbangan yang luar biasa.